



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTRA)

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan bertaraf **Bumiputera** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebutharga berikut:-

NO. TENDER	PERIHAL KERJA	HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
MBJB/K/ 4/2017	<p>Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Tiang Lampu Jalan Jenis Dekoratif Di Sepanjang Jalan Ibrahim Sultan, Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 1.2.2017 (Rabu) & Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Pengangkutan Bandar Jabatan Kejuruteraan, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru Johor Bahru, Johor</p> <p>Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 22.2.2017(Rabu) Tender</p> <p>Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBBJ/U/2016/71/PRO/LJ/24</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p>	RM300.00 1.2.2017 hingga 19.2.2017	<p>CIDB Gred : G4 atau G5 atau G6 atau G7 Kategori: ME Pengkhususan: E04, E06 dan E11</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB DIBENARKAN HADIR KE TAKLIMAT DI PEJABAT</p>

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Berkenaan** semasa waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 23.1.2017 (Isnin)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu ***www.mbjb.gov.my***
3. Dokumen Tender boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Setempat (No. 7), Aras Bawah, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru** mulai tarikh yang ditetapkan di atas .
4. Penender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN menghadiri taklimat di pejabat** di Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Hanya **PENENDER (Penama dalam Sijil CIDB) SAHAJA DIBENARKAN hadir ke taklimat di pejabat DAN TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 7 semasa taklimat di pejabat.
5. Penender diwajibkan untuk mendaftar secara dalam talian menggunakan sistem I-perolehan sebelum/pada hari taklimat diadakan melalui laman sesawang <http://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>.
6. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran secara Tunai atau Wang Pos di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sebagai bayaran Dokumen Tender.
7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil-sijil **ASAL** berserta satu salinan setiap sijil semasa membeli dokumen tender sebagaimana berikut:
 - 7.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - 7.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
 - 7.3 Sijil Virtual Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan)
 - 7.4 No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA (SSM)
8. Dokumen Tender yang telah dilengkapi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **22.2.2017(Rabu)**.

9. Dokumen Tender yang di hantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dialamatkan Ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** untuk dimasukkan di dalam Peti Tender sebelum **12.00 tengahari pada tarikh tutup** yang di ditetapkan di atas.

10. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.

(HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Johor Bahru.

JFF1/nz/bkfan tender 2015